

17/05/2001

Guru perlu dorong rakyat: PM (HL)

Norazmi Abdul Talib; Rahman Hashim

MELAKA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu golongan pendidik memiliki kebolehan yang mampu mendorong rakyat, khususnya generasi muda, menyumbang kepada pembangunan negara, berkeupayaan berfikir serta menilai antara yang baik dan buruk.

Perdana Menteri berkata, perkara itu penting kerana selain pengaruh dalaman, timbul kekeliruan berikutan peralihan nilai yang diterima pakai oleh manusia sejagat sekarang.

Sebagai contoh, jika dulu kesetiaan kepada bangsa dan negara atau semangat patriotisme tidak dipersoalkan, kini ada pendapat bahawa bekerjasama dengan orang asing untuk memburukkan negara adalah usaha baik dan kononnya mencerminkan kesetiaan kepada negara.

"Jika pendapat seperti ini diterima, maka penderhakaan akan menjadi mulia dan ini akan mendedahkan negara kepada penguasaan atau dominasi oleh bangsa asing," katanya pada sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan bertemakan 'Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama' di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, malam ini.

Dr Mahathir berkata, perkara yang kurang menyenangkan sudah mula muncul dalam sekolah dan institusi pendidikan berikutan penyerapan pengaruh negatif di kalangan guru.

Katanya, mereka membelakangkan agenda negara dan terpengaruh dengan agenda lain kerana dipengaruhi dakwaan bahawa kerajaan yang memerintah tidak sempurna serta dakwaan kerajaan tidak Islam.

"Oleh itu, pendapat bahawa kerajaan tidak Islam serta tidak mengutamakan ajaran Islam tidak harus timbul dan adalah fitnah yang harus ditolak.

"Semua pelajaran di sekolah dan universiti adalah ilmu yang berkait rapat dan diperlukan, bahkan diwajibkan oleh Islam kerana semua ilmu ini diperlukan untuk memaju, mempertahankan dan menyelamatkan umat Islam," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun percaya, warga pendidik di kalangan intelektual yang peka dan prihatin, dapat mengasuh dan menyemai kualiti yang boleh memberi keupayaan kepada rakyat mempertimbangkan antara baik dengan buruk.

Katanya, ia selaras usaha memartabatkan profesion perguruan melalui Komuniti Fungsian Intelektual (Functional Intellectual Community) dengan memperluaskan peluang pendidikan kepada warga pendidik.

"Adalah diharapkan guru menjadi insan yang berhemah tinggi, berfikiran waras, dapat mengemukakan idea bernas dan menyumbang ke arah menjadi warga dunia berketrampilan di abad ke-21 ini," katanya.

Perdana Menteri juga mahu guru menjadi penggerak masyarakat ke arah peningkatan budaya membaca. Keperluan itu lebih penting kerana akses kepada ilmu dipermudahkan melalui Internet.

"Jika kurang membaca, tentulah akan kekurangan ilmu untuk menangani masalah hidup dan memilih di antara pendekatan yang baik dalam kerja mereka. Sikap dan budaya membina perlu dikenal pasti dan guru berperanan penting untuk menukar yang buruk kepada baik," katanya.

"Untuk melakukan ini, guru yang bertanggungjawab terpaksa menghadapi banyak fitnah dan tohmahan seperti mengutamakan dunia lebih daripada akhirat," katanya.

Dr Mahathir yakin guru di negara ini mempunyai cukup kebolehan untuk menanggung beban melengkapkan generasi akan datang dengan secukup ilmu dunia serta akhirat dan membentuk peribadi mulia yang mampu menangani

cabaran dunia tanpa sempadan.
(END)